

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **KPDNHEP SAMBUT BAIK PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2022 YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**PUTRAJAYA, 5 Januari 2022** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyambut baik Perutusan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia sempena Tahun Baharu 2022 pada 31 Disember 2022.

2. KPDNHEP menyokong komitmen Kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara melalui pelbagai bantuan terus kepada pengguna, komuniti perniagaan dan industri sejak September 2021. Antaranya, Bantuan Wang Ihsan (atau BWI) sebanyak RM1,000 kepada setiap Ketua Isi Rumah yang terjejas dengan banjir, baucar tunai sebanyak RM500 bagi pembelian barangan elektrik kepada setiap keluarga, PERODUA dan PROTON menawarkan pengecualian bayaran perkhidmatan tunda kenderaan dan upah baik pulih di samping diskaun 50% ke atas alat ganti serta bantuan tunai sehingga RM5,000 bagi setiap keluarga untuk kerja-kerja pembaikan rumah.

3. Bagi kerosakan serius pula, Kerajaan sendiri akan mengurus baik pulih rumah dengan kos sehingga RM15,000. Manakala, bagi rumah yang musnah dan tidak boleh diduduki, Kerajaan akan membantu sehingga kos RM56,000 setiap unit rumah dibina baru.

4. KPDNHEP melalui Skwad Sukarelawan Banjir (SSB-KPDNHEP) dan FoodBank Malaysia di bawah kelolaan Kementerian telah turut serta menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir meliputi Negeri Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan dan Kuala Lumpur dalam bentuk kerja-kerja pembersihan serta barang-barang yang sedia dimakan. Sehingga kini, SSB-KPDNHEP telah membantu seramai 171 keluarga yang

terlibat di dalam bencana banjir meliputi kawasan Shah Alam, Banting, Dengkil, Sepang, Kapar, Semenyih, Klang, Puchong dan di Pahang. Seramai 155 kakitangan Kementerian terlibat di dalam aktiviti turun padang dan ini termasuklah di Daerah Kuala Selangor yang dikhususkan kepada Kementerian melibatkan bantuan dan kerja pencucian di kampung Bukit Badong, Kampung Jeram dan Kampung Asahan. Sejumlah RM344,200.00 dalam bentuk barangan sedia dimakan telah disalurkan kepada Ketua Isi Rumah oleh FoodBank Malaysia.

5. Tahun 2021 telah mencatatkan nilai jualan perdagangan borong dan runcit merekodkan peningkatan sebanyak 5.4% kepada RM116.4 bilion pada Oktober 2021 berbanding RM110.5 bilion pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan sektor yang dikawal selia oleh KPDNHEP tetap mencatatkan perkembangan yang positif walaupun negara masih bertungkus-lumus menangani isu Covid-19, bencana banjir, kelembapan ekonomi dan kenaikan harga barang.

6. KPDNHEP menyokong usaha Kerajaan dalam merencanakan semula pemulihan ekonomi dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif yang telah diumumkan di dalam dokumen RMK-12 dan Bajet 2022 untuk memastikan ketahanan ekonomi dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

7. Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang sedang dilaksanakan oleh KPDNHEP dan agensi kerajaan yang lain diharap dapat membantu meringankan kos sara hidup Keluarga Malaysia. PJKM telah dilaksanakan di seluruh 222 parlimen bermula 2 Disember 2021 dan akan diteruskan sehingga Mac 2022.

8. Kementerian juga telah memperkenalkan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang dilaksanakan bermula pada 7 Disember 2021. Skim ini diperkenalkan bertujuan menstabilkan harga barangan keperluan asas pada masa ini. Skim ini juga dilanjutkan sehingga 4 Februari 2022.

9. Kesemua inisiatif yang telah dilaksanakan itu di samping pemeriksaan yang berterusan oleh Penguat Kuasa KPDNHEP adalah usaha berterusan

untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan memberi pelbagai pilihan kepada pengguna untuk berjimat melalui pembelian yang terancang, di mana dan bila barang keperluan itu dibeli.

10. Usaha ini akan dilanjutkan dengan pelbagai program bersifat *rakyat-centric* yang akan dilaksanakan dalam tahun 2022 seperti Jualan Back-to-School, Jualan Musim Perayaan, Jualan Hari Kebangsaan, Jualan Bulan Sukan dan sebagainya.

11. Tugas penguatkuasaan turut giat dijalankan oleh KPDNHEP melalui OPS Cakna, OPS Pasar dan OPS Menu dalam memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan ke atas insiden banjir yang melanda negara baru-baru ini. Kementerian juga akan meneruskan libat urus bersama industri untuk mencari jalan penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi pasca covid-19.

12. KPDNHEP akan terus memperkasakan ekonomi digital dengan memperluas lagi inisiatif transaksi runcit tanpa tunai iaitu Retail Digitalisation Initiative (ReDI) ke seluruh negara sejajar dengan tuntutan realiti semasa. Sebagai makluman, inisiatif ini telah dilaksanakan di negeri Terengganu dan Sarawak pada tahun 2021.

13. KPDNHEP yakin 2022 akan melonjakkan semula semua sektor ekonomi sektor perdagangan dan pengedaran domestik. Kementerian juga ingin mengingatkan supaya rakyat dan semua premis-premis perdagangan domestik sentiasa mematuhi SOP bagi memastikan kadar jangkitan kekal rendah dan tidak menjejaskan operasi perniagaan dan pengedaran.

14. Pengalaman dari Covid-19 dan bencana banjir ini juga telah mendorong KPDNHEP untuk mempergiatkan program-program kepenggunaan dalam memastikan ahli Keluarga Malaysia lebih cakna kepada hak dan peranan sebagai pengguna di samping bersedia untuk menerima keadaan sukar yang sedang menghambat negara dan membuat perubahan sementara samada dari segi citarasa, corak perbelanjaan dan semangat kenegaraan.

###

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
PUTRAJAYA, 5 Januari 2022